

KOMITMEN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) DALAM MENGURUS SAUDARA BARU WARGA ASING¹

Anuar Puteh, Abdul Ghafar Hj Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit,
Badlihisham Mohd Nasir, Yusmasayu Abdullah

PENGENALAN

Pertubuhan kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) adalah sebuah pertubuhan dakwah di Malaysia yang aktif dan menonjol. Ianya merupakan pertubuhan yang melaksanakan aktiviti dan dakwah berteraskan kebajikan kepada semua kaum tanpa mengira agama dan bangsa. Penubuhannya adalah bertujuan untuk membantu saudara-saudara Islam supaya mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang betul serta dapat memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam.

Tujuan penubuhan PERKIM juga ialah untuk menjalankan dakwah Islamiah kepada orang-orang Islam dan yang bukan Islam dengan positif dan berkesan. Selain elemen dakwah, elemen-elemen lain turut diberikan perhatian ialah elemen pendidikan dan kebajikan yang meliputi memberi, mengadakan dan menguruskan serta menjalankan pendidikan agama Islam menerusi media dan pelbagai kaedah lain. PERKIM juga memberi bantuan, derma, biasiswa atau dermasiswa kepada yang berkelayakan dan menjalankan amal-amal jariah yang lain kepada mereka yang sakit, miskin, susah, dan daif.

Dalam usaha mengembangkan dakwah, PERKIM banyak menjalankan aktiviti dan program untuk saudara baru sebagai contoh kelas PERKIM, kursus intensif dan banyak lagi program yang dijalankan. Sehingga kini, PERKIM telah berjaya mendidik ramai insan yang berjaya dan mampu meneruskan bakti meneruskan dakwah dalam kalangan masyarakat seperti Ustaz Ridhuan Tee Abdullah, Ustaz Mohd Farid Ravi, Ustaz Muhammad Fitri Abdullah, Ustaz Muhammad Farhan Al-Hafiz, Puan Sofia Yeong Mei Foong dan Masyitah Choon dan ramai lagi.

SEJARAH PENUBUHAN PERKIM DI MALAYSIA

PERKIM telah ditubuhkan pada 20 Ogos 1960 oleh Y.T.M Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj. (Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar 1991 : 52) Tujuan penubuhannya ialah untuk mengembangkan Islam kepada orang bukan Islam, terutamanya kepada orang yang tidak memeluk mana-mana agama. Ia juga bertujuan memberi khidmat kepada saudara-saudara baru bagi mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam agama Islam dan menolong mereka mengatasi masalah-masalah yang dihadapi (PERKIM t.t, 20).

¹ Kertas kerja yang dibentangkan di dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 20-21 November 2014

Yang Teramat mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bukan sahaja digelar 'Bapa Merdeka', 'Bapa Malaysia', tetapi juga digelar 'Bapa PERKIM'. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia telah ditubuhkan di rumah rasmi Tunku iaitu rumah Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada 19 Ogos 1960. Pada hari itu, Tunku telah mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang Islam yang berminat, dengan tujuan hendak menubuhkan sebuah badan yang akan berusaha mengembangkan agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu (Malaya).

Pada hari itu, YTM Tunku berpendapat bahawa sungguhpun tujuan utama mereka hendak menyampaikan seruan Islam kepada mereka yang belum beragama Islam dari semua kaum di Malaya, terutamanya dari kalangan orang Cina. Nama yang dipilih ialah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaya, ringkasnya 'PERKIM'. Beberapa tahun kemudian apabila lahir negara Malaysia, maka perkataan Malaya ditukar kepada Malaysia.

Turut hadir di perjumpaan itu, selain daripada YTM Tunku ialah Tuan S.O.K Ubaidulla, Tuan Haji Mohamed Ali Taib, Ustaz Nik Mahyudin Musa, Tuan Haji Ally Maricar, Tuan Sheikh Ahmad, Tuan Haji Ahmad Damanhuri, Tuan Syed Jaafar Albar, Tuan Haji Ali Raya, Tuan Wan Kadir dan Tuan Haji Abdul Mubin Sheppard. Pada petang itu juga, YTM Tunku telah menyerahkan sekeping cek bernilai dua puluh ribu ringgit sebagai sumbangan pelancaran.

Sebelum mesyuarat ditamatkan, YTM Tunku memberitahu bahawa beliau akan menyebarkan laporan berkenaan pertubuhan ini (PERKIM) ke bawah Duli Raja-Raja Melayu, dan meminta sokongan dari kerajaan- kerajaan negeri masing-masing. Maka sebagaimana yang dijanjikan, YTM Tunku telah membawa laporan penubuhan PERKIM kepada Majlis-Majlis Raja-Raja dan telah mendapat restu dari Duli-Duli dan kerajaan negeri. Sungguhpun YTM Tunku sentiasa sibuk dengan tugas Perdana Menteri dan lawatan ke luar negara, YTM Tunku sentiasa memberi perhatian berat kepada perjalanan PERKIM dan membantunya apabila perlu.

Di antara masalah yang dihadapi oleh PERKIM dari permulaan ialah ketiadaan orang Cina di Malaya yang layak bertugas sebagai guru atau mubaligh dan boleh menyampaikan seruan kepada kaum Cina. (Tuan Haji Ibrahim T.Y. Ma, bekas konsul Cina di Malaya sebelum Perang Dunia kedua) masih tinggal di Singapura dan hanya dijemput datang ke Kuala Lumpur serta memberi tenaganya kepada PERKIM kira-kira tiga bulan sekali.

Jawatankuasa kerja mengambil keputusan untuk menjemput beberapa tokoh orang Cina Islam dari Taiwan. YTM Tunku telah memberi arahan khas supaya kebenaran masuk luar biasa diberi kepada orang yang berkeelayakan. Sungguhpun kebenaran ini telah diberikan, jawatankuasa kerja mengalami kerumitan untuk memilih tokoh Cina Islam yang layak kerana mereka hanya faham Bahasa Cina dan tidak dapat berhubung dan berunding dengan ahli-ahli Jawatankuasa atau pegawai-pegawai kerajaan. Masalah ini terus menghalang usaha PERKIM dan kira-kira setahun kemudian, Jawatankuasa mengambil keputusan untuk mengadakan Pusat Latihan Mubaligh di mana orang Melayu akan belajar Bahasa Cina sambil belajar agama Islam dan cara menyampaikannya kepada orang ramai.

Pada awal tahun 1962, YTM Tunku telah memberi perhatian kepada masalah orang Islam penduduk di Sarawak yang tidak diberi layanan langsung oleh Kerajaan British di situ. YTM Tunku telah bersetuju supaya PERKIM memberi pertolongan kepada Persatuan Islam Sarawak. Dengan contoh layanan dan pertolongan yang dicatatkan dengan ringkas ini, sudah nyata bahawa YTM Tunku, sungguhpun sangat sibuk dengan berbagai-bagai tanggungjawab lain, telah memberi sokongan kepada PERKIM yang dilahirkan di rumahnya.

Dengan daya usaha YTM Tunku, nama Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dikenali sebagai badan Islam yang berpengaruh luas di negara Islam dan menjadi anggota di Badan Muktamar Islamiah sedunia. Badan itu berpusat di Beirut dan Mufti Besar Palestin, Syed Amin Al-Husaini adalah Yang Dipertuanya. Maka dua orang wakil PERKIM telah dijemput hadir di perjumpaan Muktamar di Baghdad pada tahun 1962 dan Setiausaha Agung badan itu telah melawat ke Kuala Lumpur serta diberi layanan oleh PERKIM.

Hasil dari lawatan itu, dengan persetujuan YTM Tunku, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tempat persidangan wakil-wakil Islam dari sembilan belas buah negara di Asia Tenggara. Persidangan itu telah diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YTM Tunku pada 28 Januari 1964. Usaha menyiapkan dan mentadbirkan persidangan ini diserahkan kepada Jawatankuasa kerja PERKIM. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis. Mufti besar Palestin telah dibawa oleh wakil PERKIM melawat ke beberapa tempat di mana PERKIM menjalankan usahanya termasuk Pusat Latihan Mubaligh dan Balai Islam Kelang.

Rancangan PERKIM hendak mendirikan Balai Islam di Kuala Lumpur sentiasa diberi sokongan oleh YTM Tunku. Masalah yang utama ialah usaha mencari modal untuk pembinaannya, tetapi YTM Tunku telah memberikan bantuan dengan beberapa cara. YTM Tunku telah meminta jutawan Runme Shaw di Singapura memeberikan kepada PERKIM dari hasil tayangan perdana filem yang bertajuk "Lawrence of Arabia" di Kuala Lumpur, dengan syarat kutipan dari tayangan itu digunakan untuk tabung pembinaan. Hasil dari kutipan itu berjumlah RM 26,000.00 dari sekali tayangan.

Masalah memberikan latihan kepada mubaligh muda diberi perhatian oleh YTM Tunku dengan menyewa sebuah rumah di Batu 4, Jalan Ampang bagi tujuan tersebut. Dengan adanya YTM Tunku dalam jawatan Yang Dipertua berbagai rancangan dapat dihidupkan kembali, terutama sekali rancangan pembinaan Ibu Pejabat PERKIM di atas tanah di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur yang telah diberikan oleh Menteri Besar Selangor atas permintaan YTM Tunku (<http://www.perkim.net.my> 17 Nov 2011).

Matlamat penubuhan PERKIM boleh diringkaskan seperti berikut :

- a) Untuk membantu menegakkan dan mengekalkan agama Islam sebagai agama rasmi dalam erti kata yang sebenarnya.

- b) Mengembangkan agama Islam di kalangan orang bukan Islam supaya dapat menambah bilangan orang Islam di Malaysia. Dengan itu dapat memperkuat kedudukan umat Islam dalam hal-hal sosial, ekonomi dan politik negara ini.
- c) Menambahkan semangat taat setia yang lebih mendalam terhadap negara ini di kalangan orang Islam termasuklah orang Cina Islam.
- d) Memperkuat keyakinan dan pegangan orang Islam kepada Al-Quran dan Al-Hadith dan meneguhkan ukhuwwah Islamiyyah melalui pelajaran dan pendidikan (<http://www.perkim.net.my> 17 Nov 2011).

PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH PERKIM DI MALAYSIA

Dalam Perkara 5, Perlembagaan PERKIM (1991;2) pula tercatat peranan PERKIM yang meliputi perkara-perkara berikut:

- a) **Dakwah** : Menjalankan dakwah Islamiyyah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dengan cara positif dan berkesan.
 - i. Bimbingan asas fardhu ain.
 - ii. Integrasi Saudara Muslim seperti program khidmat masyarakat dan ceramah sempena Maulidul Rasul.
 - iii. Aktiviti semasa seperti Program Pengukuhan Kerjaya Menurut Perspektif Islam, ziarah kasih PERKIM
- b) **Pelajaran** : Memberi, mengada, mengurus dan menjalankan pelajaran dan pendidikan agama Islam menerusi segala jalan yang sah di sisi undang-undang.
 - i. Kelas PERKIM : Ruang Legar, Bangunan PERKIM, 150 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.
 - ii. Pembelajaran asas seperti tauhid, sirah, fiqh, iqra', peristiwa Islam dan lain-lain.
 - iii. Wasiat dan harta pusaka
- c) **Kebajikan** : Menjalankan semua kerja-kerja kebajikan termasuk memberi bantuan, derma, biasiswa atau dermasiswa kepada yang berkelayakan dan menjalankan amal jariah yang lain kepada yang sakit, miskin, susah dan aktif.

i. Tasputra

Tasputra PERKIM adalah pusat penjagaan Islam yang pertama di Malaysia bagi jagaan fizikal, penglihatan kecacatan mental bagi kanak-kanak dari golongan yang kurang berkemampuan. Pusat ini dibuka setiap hari kecuali hari Ahad dan cuti am dari jam 07.30 pagi hingga 05.00 petang. Ianya disokong oleh 24 orang staf termasuk ahli terapi, penyelia, pemerhati dan tukang masak yang menyediakan perkhidmatan pertolongan dan latihan kepada kanak-kanak di antara 2 hingga 10 tahun.

Pelbagai aktiviti diadakan untuk menolong pemantapan fizikal dan mental kanak-kanak yang dinamakan Hydroteraphy, Hippotherapy dan Physioteraphy. Terapi ini diadakan setiap hari oleh staf yang bertugas. Di samping itu juga, pusat ini juga menyediakan perkhidmatan sukarela yang dihadiri oleh doktor pakar kulit, pergigian dan lain-lain perubatan yang sesuai bagi kanak-kanak di sini. Kadang-kadang, pusat

ini juga menjayakan majlis yang istimewa sebagai sebahagian daripada keprihatinan masyarakat dengan memberi sokongan dan sumbangan kepada mereka. Pusat ini juga menganjurkan pelbagai aktiviti kutipan derma di samping jualan untuk menambahkan duit tabung.

ii. Asrama Darul Falah (ASDAF)

PERKIM telah memilih kanak-kanak dari kalangan masyarakat Asli untuk bersekolah di bandar. Atas sebab inilah, PERKIM telah menubuhkan sebuah hostel di Kuala Lumpur yang dinamakan Asrama Darul Falah (ASDAF).

ASDAF telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1995 di mana pengambilan pertama adalah 6 orang pelajar terdiri 4 lelaki dan 2 perempuan dari suku Semelai di Negeri Sembilan. Sekarang, bangunan ASDAF telah didiami lebih kurang 60 orang pelajar dari suku Semai, Bateq, Mahmeri, Semelai, Temuan dan Temiar. Kebanyakan daripada mereka adalah anak yatim dan datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

iii. Asrama Darul Aitam Wal Masakin Tunku Abdul Rahman Putra (DATAR)

Darul Aitam Walmasakin Tunku Abdul Rahman atau nama ringkasnya DATAR terdiri daripada bangunan asrama, kelas, pejabat, surau, dewan dan taman permainan. Anak-anak di rumah ini mengikuti pengajian di sekolah-sekolah sekitar Alor Setar. DATAR diuruskan oleh PERKIM Kedah. 40 hingga 50 orang boleh ditempatkan di rumah ini. Sehingga sekarang seramai 147 orang telah diambil tinggal dan dididik disini. Mereka yang diambil adalah dari keluarga miskin sahaja dari umur 9 tahun.

Seramai 30 orang anak yatim ini telah berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA / IPTS, 21 orang telah tamat pengajian termasuk dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengurusan. Mereka yang kurang cemerlang dalam pelajaran pula, dihantar untuk belajar dalam bidang kemahiran. PERKIM juga membantu anak yatim yang miskin yang tinggal dengan ibu atau waris mereka di bawah Skim Bantuan Anak Yatim Luar Asrama. Anak yatim yang masih menerima bantuan pada tahun 2007 adalah 14 orang. Dua orang daripada anak yatim luar yang menerima bantuan PERKIM telah tamat pengajian di IPT luar negara.

iv. Pusat Pemulihan Kesihatan PERKIM

Pusat Pemulihan Kesihatan PERKIM Kuala Lumpur adalah khas untuk membantu orang-orang yang lanjut usianya, mangsa serangan 'stroke' dan masalah urat saraf, juga pesakit yang baru keluar daripada rumah sakit dan perlukan khidmat terapi dan sosial.

Pusat ini menggunakan satu pendekatan baru untuk memenuhi keperluan mereka iaitu dengan menggabungkan kemudahan kemasyarakatan, khidmat sukarela dan kemudahan terapi. Prinsip utama Pusat ini ialah Adding Life To Years atau Meningkatkan Nikmat Hidup Kepada Usia .

v. Pusat Pemulihan Kesihatan PERKIM

Pusat Pemulihan Kesihatan PERKIM Kuala Lumpur adalah khas untuk membantu orang - orang yang lanjut usianya, mangsa serangan 'stroke' dan masalah urat saraf, juga pesakit yang baru keluar daripada rumah sakit dan perlukan khidmat terapi dan sosial. Pusat ini menggunakan satu pendekatan baru untuk memenuhi keperluan mereka iaitu dengan menggabungkan kemudahan kemasyarakatan, khidmat sukarela dan kemudahan terapi. Prinsip utama Pusat ini ialah Adding Life To Years atau Meningkatkan Nikmat Hidup Kepada Usia .

Pusat ini menyediakan :-

- a) Penjagaan dan bantuan harian supaya mereka tidak perlu tinggal di rumah.
- b) Latihan cara-cara mengendalikan hidup seharian dan kemahiran bantu diri.
- c) Rawatan cara asuhan untuk meningkatkan koordinasi otot.
- d) Khidmat-khidmat pemulihan yang muda bagi mereka yang keluar daripada rumah sakit atau mereka yang memerlukannya.
- e) Kegiatan-kegiatan berkumpul dan sosio-rekreasi.
- f) Makan dan minum tengahari.
- g) Latihan cara-cara menjaga mereka kepada anggota keluarga.
- h) Khidmat nasihat bagi pengguna serta keluarga untuk meningkatkan kebolehan dan kegiantan pengguna sepenuhnya.

Pusat Pemulihan Kesihatan PERKIM menyediakan khidmat kesihatan untuk pesakit - pesakit yang telah daftar pada setiap hari Selasa.

vi. Kerjasama dalam bidang agama Islam : Mewujudkan perantaraan dan kerjasama dengan pertubuhan dan badan-badan Islam lain demi kemajuan agama Islam.

vii. Lain-lain : Menjalankan kegiatan-kegiatan lain demi kepentingan dan kemajuan agama Islam (<http://www.perkim.net.my> 17 Nov 2011).

Dalam merealisasikan objektif penubuhannya, PERKIM mempraktikkan penyebaran syiar dakwah Islamiah berdasarkan kerja-kerja kebajikan yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua kelompok masyarakat, sekaligus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam.

SAUDARA BARU WARGA ASING

Sejak akhir-akhir ini, bilangan saudara baru di kalangan warga asing telah meningkat dari tahun ke tahun. Ini adalah kerana kepesatan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan aman damai yang menyalurkan sumber pendapatan kepada penduduknya. Kesempatan ini bukan sahaja diraih oleh penduduk tempatan malah turut menjadi sasaran warga asing. Ramai warga asing yang datang Malaysia enggan pulang ke negara asal mereka disebabkan gaji yang berlipat ganda berbanding negara mereka. Ramai di kalangan mereka yang memeluk Islam dengan pelbagai cara untuk terus

menetap di Malaysia. Namun, hasil dari pemeluk Islam mereka mendatangkan kebaikan dan keburukan pada negara dan masyarakat serta pada Islam sendiri.

Faktor Pemeluk Agama Islam Oleh Warga Asing

Menurut Ustazah Siti Fatimah Ladda Abdullah, Penolong Pegawai Dakwah PERKIM, faktor utama warga asing tertarik dengan Islam ialah kerana keinginan sendiri lantaran mendapat hidayah dari Allah dan untuk kepentingan mereka.

a) Keinginan sendiri

Ada juga dikalangan warga asing yang memeluk Islam kerana kehendaknya sendiri lantaran mendapat hidayah dari Allah. Mereka menyedari akan keindahan dan kelebihan Islam selepas dibukakan hati oleh Allah. Mereka tertarik dengan isi keindahan Islam dan keistimewaan yang tidak ada pada agama lain. Mereka ingin mengetahui lebih mendalam apa yang terkandung dalam ajaran Islam. PERKIM dengan berbesar hati menerima niat baik warga asing tersebut dan membantu warga asing tersebut dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan selepas memeluk Islam. Menurut Ustazah Fatimah, hanya lebih kurang 5% sahaja yang memeluk Islam kerana benar-benar ikhlas dan berminat untuk mendalami Islam dengan lebih mendalam, yang selebihnya memeluk Islam kerana kepentingan tertentu.

b) Kepentingan tertentu

Namun begitu, ada juga di kalangan warga asing yang memeluk Islam untuk kepentingan tertentu iaitu untuk mendapatkan visa. Kebanyakan daripada mereka berasal dari Filipina, Nigeria, Cambodia, Thailand, Cina, Vietnam dan Indonesia.. Mereka menggunakan alasan menyambung pengajian di Malaysia untuk mendapatkan visa. PERKIM menyambut baik niat mereka untuk kembali kepada Islam, namun mereka mengambil kesempatan di atas kebaikan pegawai PERKIM. Pada asalnya, kebanyakan mereka yang datang ke Malaysia adalah dengan pas lawatan sosial. Namun apabila mereka mendapat gaji yang tinggi dan hidup dalam keadaan selesa, mereka mula berniat untuk mendapatkan visa untuk terus menetap di Malaysia.

Pelbagai cara yang dilakukan oleh mereka untuk mendapatkan visa untuk terus menetap di Malaysia. Menurut Ustazah Fatimah, ada di kalangan mereka yang berpura-pura menyambung pelajaran di mana-mana IPT di Malaysia, dan ada juga di kalangan mereka yang sanggup membayar pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan pengesahan dan sokongan bahawa mereka menyambung pelajaran di IPT tersebut. Mereka sanggup mengeluarkan wang yang banyak bagi menyogok pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan sokongan tersebut semata-mata untuk mendapatkan visa. Hal ini diceritakan sendiri oleh mereka apabila ditanya oleh pihak PERKIM. Dengan kata lain, mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan visa.

Menurut Ustazah Fatimah, perkara yang membimbangkan pada hari ini ialah ramai di kalangan warga asing yang mempergunakan gadis-gadis Malaysia. Mereka memainkan kata-kata manis dan janji-janji manis untuk memikat hati gadis tersebut. Setelah berjaya memikat hati gadis tersebut, mereka mengajak gadis tersebut untuk berkahwin dan memeluk Islam. Ianya merupakan satu taktik warga asing terutamanya

warga Nigeria bagi mendapatkan visa. Apabila dinasihatkan oleh PERKIM supaya pulang ke Nigeria bersama gadis tersebut dan berkahwin di sana, mereka enggan berbuat demikian. Mereka ingin berkahwin di Malaysia untuk mendapatkan visa. Setelah berkahwin dan berjaya mendapatkan visa, mereka meninggalkan gadis tersebut (Siti Fatimah Ladda Abdullah 23 Feb 2012).

PENGURUSAN SAUDARA BARU WARGA ASING

Prosedur Mendapatkan Visa

Menurut Ustazah Siti Fatimah Ladda Abdullah, bagi mendapatkan visa, pemohon (saudara baru) perlu melalui pelbagai prosedur yang telah ditetapkan. Selepas memeluk Islam, pemohon atau saudara baru tersebut perlulah mendapatkan visa sementara iaitu selama 3 bulan. Setiap bulan, saudara baru tersebut perlulah keluar dari Malaysia dan pergi ke mana-mana negara berdekatan untuk mendapatkan cop bagi memastikan pemohon tersebut tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah dari mana-mana negara. Dalam masa yang sama juga, saudara baru tersebut perlu menghadiri kelas yang ditetapkan oleh PERKIM.

Setelah mengikut prosedur berkenaan, PERKIM akan mengeluarkan surat yang mengandungi laporan kehadiran pelajar kepada jabatan agama negeri iaitu JAWI atau JAIS, JAKIM dan imigresen bagi mengesahkan bahawa pemohon ada mengikuti kelas yang dikendalikan oleh PERKIM. PERKIM tidak mengeluarkan sebarang surat sokongan kepada mana-mana pihak. Surat berkenaan tidak dikeluarkan secara sekaligus, tetapi dikeluarkan mengikut secara berperingkat dan mengikut prosedur. Ini bagi mengelakkan daripada wujud surat palsu yang dikeluarkan oleh sindiket-sindiket tertentu yang mengeluarkan surat kelulusan yang palsu. Ianya diakui oleh pihak imigresen sendiri.

Surat pertama dikeluarkan kepada jabatan agama. Jabatan agama akan memanggil pemohon tersebut untuk ditemuduga. Selepas temuduga, pemohon perlu memohon kelulusan daripada jabatan agama dan selepas mendapat kelulusan, jabatan agama akan menghantar surat ke PERKIM. Setelah itu, PERKIM akan mengeluarkan surat yang sama iaitu surat yang mengandungi laporan kehadiran pelajar kepada JAKIM dan menunggu kelulusan dari pihak JAKIM dan prosedur seterusnya ialah PERKIM akan mengeluarkan surat yang sama kepada pihak imigresen untuk mendapatkan visa. Pemohon perlu menunggu lebih kurang 1 hingga 2 minggu untuk kelulusan bagi mendapatkan visa. Selepas itu Sebarang keputusan dibuat oleh pihak imigresen tidak ada campurtangan dari pihak PERKIM.

Dalam proses mendapatkan visa juga, pemohon juga perlu mencari gerento untuk menjadi penjamin jika terjadi sesuatu masalah yang tidak diingini dan untuk memastikan maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah benar. Penjamin tersebut perlu hadir ke PERKIM dan ditemuramah. PERKIM juga memberi penerangan yang jelas tentang perkara berkaitan dengan penjamin dan mendapatkan persetujuan penjamin tersebut. Penjamin tersebut perlu menandatangani surat sebagai penjamin bagi pemohon (Siti Fatimah Ladda Abdullah 23 Feb 2012).

Menguruskan saudara baru bukanlah semudah yang disangka. Ianya mengambil kira dari pelbagai sudut. PERKIM terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dalam menguruskan saudara baru terutamanya dari kalangan warga asing. Saudara baru tersebut datang dari pelbagai negara seperti Indonesia, Nigeria, Filipina dan lain-lain. Perbezaan budaya, adat dan bangsa sedikit sebanyak mendatangkan masalah kepada PERKIM semasa proses memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada mereka.

PERKIM berhadapan dengan masalah dalaman iaitu sistem pengkalan data yang tidak sistematik. Masalah ini mendatangkan pelbagai masalah kepada PERKIM yang mana mereka terpaksa mengemaskini data-data saudara baru secara manual. PERKIM juga terpaksa berdepan dengan saudara baru yang bermasalah seperti tidak menghadiri kelas yang dijalankan oleh pihak PERKIM dan menunjukkan contoh akhlak yang tidak baik. PERKIM terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah dan perangai saudara baru yang datang dari pelbagai negara.

Walaupun pelbagai masalah yang melanda, sebagai sebuah organisasi dakwah yang bergerak atas matlamat mengembangkan syiar Islam, PERKIM berusaha sedaya upaya mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya dengan memikirkan dan melaksanakan pelbagai alternatif. Masalah-masalah yang dihadapi tidak menghalang gerak kerja dakwah PERKIM terutamanya dalam proses memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saudara baru yang baru mengenali Islam.

Masalah-Masalah Pengurusan Saudara Baru Warga Asing

Menurut Ustaz Farhan Tee Abdullah Pegawai Dakwah & Penyelidikan PERKIM, dalam menguruskan saudara baru warga asing, terdapat pelbagai masalah-masalah yang perlu dihadapi oleh PERKIM. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh PERKIM ialah:

a) Sistem pengkalan data PERKIM yang masih belum lengkap

Ianya merupakan masalah utama yang dihadapi oleh PERKIM sejak dahulu lagi sehingga sekarang. Sistem yang kurang lengkap menyebabkan timbul pelbagai masalah yang mengakibatkan kerja-kerja pengurusan saudara baru tergendala dan tertangguh. Kakitangan serta pegawai PERKIM terpaksa memasukkan data-data serta maklumat saudara baru secara manual disebabkan sistem pengkalan data PERKIM yang belum lengkap. Bilangan saudara yang makin bertambah dari masa ke semasa menyebabkan pegawai PERKIM terpaksa mengambil masa yang lama untuk menyusun dan mengemaskini maklumat tentang saudara baru. Selain itu, PERKIM juga terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk mencari semula fail serta data tersebut apabila ianya diperlukan sebagai contoh borang pendaftaran saudara baru. PERKIM terpaksa menggeledah semua fail-fail yang dikumpul secara manual (Farhan Tee Abdullah 17 Jan 2012).

Berikutan daripada masalah ini, data-data mengenai saudara baru tidak dapat dikemaskini mengikut masa yang ditetapkan. Fail-fail yang mengandungi maklumat saudara baru juga tidak mempunyai sistem susunan yang sistematik. Fail-fail berkenaan maklumat saudara baru bercampur aduk antara tahun dengan tahun yang

yang, jika ingin sesuatu maklumat berkenaan saudara baru, pegawai PERKIM terpaksa menyelongkar semua fail-fail yang terdapat dalam simpanan mereka. Ia bukan sahaja mengambil masa malah membebankan kakitangan tersebut yang mana mereka terpaksa mencari dan membuka satu persatu fail dan akhirnya menyusun kembali fail-fail tersebut.

b) Perbezaan budaya

Bilangan saudara baru di kalangan warga asing semakin bertambah dari hari ke hari. Ini kerana warga asing yang datang bekerja di Negara Malaysia makin ramai dari masa ke semasa dari pelbagai Negara seperti Nigeria, China, Indonesia, Filipina, Vietnam dan banyak lagi Negara-negara lain. Perbezaan Negara dan budaya mendatangkan masalah kepada PERKIM dalam menguruskan saudara baru di kalangan warga asing PERKIM terpaksa menyelidik dan mengaji tentang budaya saudara baru dan memikirkan metodologi yang sesuai untuk bertutur dan memberi bimbingan kepada golongan tersebut bagi memastikan mereka mendapat bimbingan yang baik dalam memahami Islam. Namun ia bukanlah satu tugas yang mudah bagi PERKIM untuk melakukan kerja tersebut disebabkan kekurangan kakitangan dan pakar pendakwah yang terlatih serta memakan masa yang agak lama (Farhan Tee Abdullah 17 Jan 2012).

Menurut Ustazah Fatimah, budaya pergaulan yang bebas saudara baru warga asing di kalangan lelaki dan perempuan juga mendatangkan masalah kepada PERKIM. Ianya menjadi contoh yang tidak baik kepada saudara baru yang lain dan mencemarkan imej Islam. Walaupun sudah dijelaskan tentang batas pergaulan antara lelaki dan perempuan di dalam Islam, namun ianya ibarat mencurahkan air ke daun keladi. Nasihat oleh ustaz dan ustazah tidak diambil peduli oleh mereka ini kerana pergaulan bebas tersebut sudah menjadi kebiasaan bagi mereka. Salah satu sebab lain ialah kerana mereka mempunyai niat lain dan tidak ikhlas memeluk Islam. Kebanyakan mereka hanya mempergunakan Islam untuk mencapai tujuan mereka. Oleh sebab itu mereka tidak mengendahkan apa yang diajar di kelas (Siti Fatimah Ladda Abdullah 23 Feb 2012).

Rentetan dari masalah yang dihadapi oleh PERKIM ini, terdapat masalah lain yang wujud. Pendakwah atau ustaz yang memberi bimbingan terpaksa berdepan dengan pelbagai kerenah dan perangai saudara yang datang dari pelbagai negara. Walaupun kadang-kadang ianya mendatangkan kebosanan tapi hakikatnya mereka perlu berdepan dengan masalah tersebut. Terdapat juga segelintir saudara baru yang tidak boleh meninggalkan budaya di negara mereka dan terbawa-bawa hingga ke Malaysia yang mana ianya boleh mendatangkan kesan dan pengaruh kepada saudara baru yang lain.

c) Perbezaan bahasa

Bahasa juga memainkan peranan penting dalam usaha membimbing saudara baru terutamanya di kalangan warga asing. Mereka datang dari pelbagai Negara yang mana bahasa pertuturan adalah berbeza. PERKIM terpaksa bertutur dan mengajar

dalam bahasa Inggeris bagi membolehkan proses bimbingan dan pengajaran saudara baru ini berjalan lancar. Namun ada juga di kalangan saudara baru ini yang tidak pandai bertutur dalam bahasa Inggeris dan hanya pandai bertutur dalam bahasa mereka sendiri. Ini kerana kebanyakan daripada saudara baru yang datang ke Malaysia berasal dari golongan yang berpendidikan tahap rendah, dan ada juga yang tidak ada pendidikan seperti warga Indonesia. Ini amat menyukarkan pihak PERKIM untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada golongan saudara baru tersebut (Farhan Tee Abdullah 17 Jan 2012).

Negara kita tidak mempunyai pendakwah yang betul-betul pakar dalam pelbagai bahasa begitu juga pendakwah dari kalangan negara saudara baru. Ini menyebabkan proses memberi bimbingan kepada saudara baru di kalangan warga asing ini berdepan dengan pelbagai cabaran. Agak susah untuk memahami saudara baru ini dalam bahasa selain dari bahasa kebangsaan negara mereka. Lebih mudah jika pembimbing tersebut datang dari bangsa dan bertutur dalam bahasa yang sama dengan mereka.

Perbezaan budaya di kalangan saudara baru juga mendatangkan perselisihan di kalangan saudara baru kerana sallah faham apa yang diperkatakan. Antonasi serta bahasa percakapan yang pelbagai juga menimbulkan perselisihan faham, ada yang bercakap dengan nada yang sopan dan lemah lembut dan ada juga yang bercakap dengan menggunakan bahasa yang kasar serta meninggikan suara. Dalam aspek ini, ustaz atau ustazah yang memberi bimbingan perlu mengambil peranan jika timbulnya salah faham antara mereka.

d) Masalah yang berpunca daripada saudara baru itu sendiri

Menurut Ustazah Fatimah PERKIM menghadapi masalah dalam proses pengajaran dan kefahaman tentang Islam kepada saudara baru warga asing. Terdapat di kalangan mereka yang menunjukkan tingkahlaku dan akhlak yang kurang memuaskan sebagai contoh dari segi pergaulan, percakapan dan pemakaian. Perbuatan mereka bukan sahaja memberi contoh yang buruk kepada saudara baru yang lain, malah ia turut memberi imej yang buruk terhadap Islam.

Selain itu terdapat segelintir daripada mereka kurang memberi komitmen terhadap kelas yang dijalankan oleh pihak PERKIM. Mereka tidak hadir ke kelas bimbingan yang dijalankan. Ada juga yang hadir hanya untuk menanda kehadiran kelas. Mereka tidak mengambil perhatian terhadap pengajaran dan penerangan yang diberikan. Kadang-kadang mereka sengaja lewat masuk ke kelas dengan mengemukakan pelbagai alasan kerana tidak mahu mengikuti kelas yang disediakan. Terdapat di kalangan mereka yang sudah bertahun-tahun menghadiri kelas tapi masih lagi tidak pandai membaca Al-Fatihah. Mereka hanya datang ke kelas untuk memenuhi rekod kehadiran bagi mendapatkan visa (Farhan Tee Abdullah 17 Jan 2012).

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, antara sebab wujudnya masalah disiplin di kalangan saudara baru ini adalah kerana mereka memeluk Islam dengan

niat yang salah, mereka bukan memeluk Islam kerana tertarik dengan ajaran Islam tetapi mereka ada niat yang lain. Kesan dari masalah ini, akan lahir orang Islam hanya pada nama sahaja. Mereka tidak mengamalkan ajaran Islam yang sepatutnya kerana mereka tidak hadir ke kelas bimbingan yang diadakan. Jika adapun yang hadir ke kelas tersebut, hanyalah untuk menanda kehadiran. Mereka terpaksa mengikut prosedur atau syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan visa.

d) Masalah kewangan

Menurut temubual yang dilakukan terhadap Ustaz Farhan Tee Abdullah, beliau menyatakan bahawa masalah kewangan merupakan masalah yang sudah lama membelenggu PERKIM dan sukar untuk diatasi. PERKIM tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh untuk menjalankan kerja-kerja dakwah. PERKIM juga menghadapi masalah dengan saudara baru sendiri, mereka sering memohon bantuan kewangan setiap kali mereka pergi ke pejabat PERKIM. Kebanyakan daripada mereka adalah golongan yang berpendapatan rendah, Oleh itu, mereka meminta sumber kewangan daripada PERKIM untuk menyara kehidupan keluarga. Inilah antara masalah-masalah yang sering dihadapi oleh PERKIM dalam usaha membimbing saudara baru di kalangan warga asing (Farhan Tee Abdullah 17 Jan 2012).

Jika diteliti dari pelbagai sudut, masalah kewangan mendatangkan kesan yang amat besar kepada perjalanan dakwah PERKIM khususnya dalam memberi bimbingan saudara baru. PERKIM tidak dapat mengupah pakar yang betul-betul mahir dari luar negara untuk memberi bimbingan kepada saudara baru kerana kos atau upahnya adalah sangat tinggi. Ini berikutan PERKIM terpaksa menampung penginapan, tambang dan juga upah kepada tenaga pengajar tersebut. Setakat ini, kebanyakan tenaga pengajar di PERKIM sama ada tetap atau jemputan adalah di kalangan rakyat Malaysia.

Masalah kewangan juga menyebabkan PERKIM tidak dapat menjalankan program secara kerap. Ianya hanya dibuat mengikut keperluan dan jika mempunyai dana yang cukup. Rentetan itu, usaha dakwah dilihat agak terbantut dan mengganggu perkembangan dakwah.

e) Saudara baru hilang keyakinan kepada Allah

PERKIM turut berdepan dengan saudara baru yang hilang keyakinan kepada Allah setelah diuji dengan pelbagai ujian dan cabaran setelah memeluk Islam seperti masalah kewangan dan sebagainya. PERKIM perlu memikirkan langkah untuk meyakinkan kembali mereka dengan Islam dan menaikkan kembali semangat mereka untuk terus kekal dalam Islam. PERKIM khuatir jika mereka kembali kepada ajaran asal setelah gagal menghadapi ujian yang melanda diri saudara baru tersebut. Hilang keyakinan kepada Allah menyebabkan mereka hilang semangat untuk menghadiri dan mempelajari apa yang diajar di PERKIM. Namun begitu, menurut Ustaz Farhan, ada juga di kalangan saudara baru yang enggan untuk merujuk ke PERKIM dan berdepan dengan masalah tersebut sendirian. Oleh itu, PERKIM tidak mempunyai kuasa untuk memaksa seseorang untuk datang ke PERKIM tidak dapat membantu saudara baru berkenaan jika mereka sendiri tidak mahu dibantu (Farhan Tee Abdullah 27 Feb 2012).

Masalah ini kebiasaannya timbul pada saudara baru yang memeluk Islam kerana mendapat hidayah daripada Allah. Setelah memeluk Islam saudara baru berdepan dengan pelbagai cabaran seperti persepsi masyarakat dan juga masalah saudara baru itu sendiri. Mereka tidak ada saudara mara yang boleh dirujuk jika menghadapi sesuatu masalah seperti masalah kewangan, masalah rumahtangga dan sebagainya. Mereka juga tidak mempunyai orang yang boleh memberi bimbingan ke arah pembentukan seorang Muslim yang sejati dan melakukan amalan-amalan serta ibadah seperti solat, puasa dan sebagainya. Lebih rumit lagi mereka terpaksa berhadapan dengan masyarakat Islam yang memandang serong terhadap niat baik mereka. Di saat ini, mereka hilang arah dan hilang keyakinan untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang Muslim.

Tindakan & Strategi Penyelesaian Yang Dilakukan Oleh PERKIM

Menurut Ustaz Farhan Tee Abdullah, dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, PERKIM mengambil inisiatif untuk memastikan gerak kerja dakwah dan proses bimbingan saudara baru berjalan lancar. Antara strategi penyelesaian yang dilakukan oleh PERKIM ialah:

a) Mengaplikasikan data terbaru

Sistem pengkalan data yang belum lengkap dan sistematik menyebabkan kesukaran PERKIM dalam mengemaskini data-data saudara baru yang kina bertambah dari tahun ke tahun. Dalam usaha mengatasi masalah tersebut, PERKIM dalam proses untuk mengaplikasikan data terbaru untuk menaiktaraf sistem pengkalan data. Sementara menunggu sistem yang baru, PERKIM masih lagi menggunakan perisian yang sedia ada. Sehingga kini, PERKIM masih lagi menggunakan Microsoft Word dan Microsoft Access dalam mengemaskini dan menyusun data berkaitan dengan saudara baru. Ianya memakan masa yang agak lama untuk menaiktaraf sistem kerana ianya melibatkan kos yang amat tinggi sedangkan PERKIM sendiri tidak mempunyai dana yang cukup untuk menampung operasi dakwah mereka. PERKIM berusaha untuk mengumpul dana bagi menaiktaraf sistem ke tahap yang lebih sistematik bagi memudahkan urusan mereka mengemaskini data-data terkini serta memuatnaik maklumat terbaru tentang saudara baru dan dakwah. Dengan menaiktaraf sistem yang sedia ada, PERKIM akan dapat berhubung dan mengakses data dari semua bahagian PERKIM tanpa pergi ke tempat tersebut (Farhan Tee Abdullah 27 Feb 2012).

b) Mengadakan program untuk kaum tertentu

Dalam usaha mengatasi masalah yang disebabkan perbezaan budaya dan bahasa, PERKIM mengambil inisiatif mengadakan program khusus bagi kaum tertentu. PERKIM telah menubuhkan Japanese Club dan English Club. Ianya bertujuan untuk memudahkan saudara mendapat bimbingan dalam bahasanya sendiri dan memahami apa yang dipelajari dengan lebih mudah (Farhan Tee Abdullah 27 Feb 2012).

Sebagai contoh PERKIM telah menganjurkan Program Metodologi Dakwah Saudara Muslim India Peringkat Zon Selatan 2011 pada 18 Disember 2011 yang lalu.

Ianya merupakan satu medan utama yang mengumpulkan saudara Muslim dari pelbagai tempat dengan objektif mewujudkan silaturrahim dan juga perkongsian ilmu di kalangan mereka serta memupuk semangat kekeluargaan di antara saudara-saudara Muslim berbangsa India, PERKIM juga menyediakan ruang untuk peserta mendalami Islam secara lebih berkesan melalui pendekatan dan penggunaan bahasa ibunda (Tamil) bagi melancarkan komunikasi dan kefahaman. Program ini menyediakan ruang dan peluang kepada saudara Muslim bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka melalui bengkel, dialog dan ceramah di dalam program itu dan secara tidak langsung dapat mengenal pasti permasalahan besar dihadapi oleh pendakwah dalam menangani masalah di kalangan saudara Muslim India yang lain.

Penganjuran program mengikut kaum tertentu bukanlah bertujuan untuk memupuk perasaan dan semangat assabiyah atau kesukuan, tapi ianya bertujuan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan saudara baru. Mereka akan merasa lebih selesa berada di kalangan bangsa dan kaum mereka. Cara ini juga memudahkan mereka berkomunikasi antara satu dengan yang lain dan memudahkan mereka merespon dan bertanya tentang apa yang mereka tidak faham. Pengajaran dan bimbingan yang disampaikan dalam bahasa pertuturan saudara baru lebih mendatangkan hasil yang positif dan memberi kefahaman yang lebih berkesan. Jika dalam proses bimbingan, mereka diberi penerangan dengan menggunakan bahasa selain dari bahasa pertuturan mereka, berkemungkinan akan wujud perkataan atau istilah yang tidak difahami oleh mereka.

Selain itu, program seumpama ini mampu mengeratkan lagi hubungan di antara mereka yang mana sebelum ini mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Jika mereka berhadapan dengan masalah, mereka ada sahabat yang boleh mendengar dan membantu mereka. Mereka akan merasa lebih selesa mempunyai sahabat yang berada dalam situasi yang sama lebih-lebih lagi berada di luar dari negara mereka. Oleh itu, program seumpama ini perlu diadakan lebih kerap lagi bagi membantu proses bimbingan kepada saudara baru.

c) Mewujudkan bantuan kecemasan

Dari segi kewangan, PERKIM telah mewujudkan bantuan kecemasan bagi saudara baru yang memerlukan bantuan kewangan dari pihak PERKIM. PERKIM juga mengambil inisiatif dengan meminta saudara baru memohon dana dari Baitulmal Negara kerana dana yang ada kadang-kadang tidak dapat memberi bantuan yang banyak kepada saudara baru tersebut. Selain itu, PERKIM juga mendapat bantuan kewangan dari Jabatan Perdana Menteri untuk melancarkan aktiviti dakwah dan proses bimbingan saudara baru. Ia juga dapat membantu saudara baru menjalani kehidupan dan menampung kos-kos untuk program yang diadakan oleh PERKIM untuk saudara baru (Farhan Tee Abdullah 27 Feb 2012).

Bantuan seumpama ini amat diperlukan kerana keadaan saudara baru yang baru memeluk Islam. Ini kerana mereka tidak mempunyai saudara mara di yang berada dekat dengan mereka. Mereka memerlukan perbelanjaan untuk memulakan hidup baru sebagai seorang Muslim. Mungkin juga terdapat segelintir saudara baru yang dibuang kerja akibat daripada pemeluk Islam mereka. Oleh itu, mereka amat memerlukan bantuan untuk menyara kehidupan sementara mereka mendapat

pekerjaan yang lain. Mereka tidak mempunyai tempat untuk memohon pertolongan, apatah lagi meminta bantuan kewangan daripada orang yang mereka tidak kenali.

d) Mengadakan kursus intensif

Bagi mengatasi masalah saudara baru yang malas untuk datang ke kelas bimbingan yang diadakan pada setiap hari, PERKIM mengambil langkah mengadakan kursus selama sehari pada setiap 2 bulan. Namun ianya khusus untuk masyarakat tertentu sahaja seperti untuk kaum Cina dan India. Kursus ini diadakan bagi membantu saudara baru yang jarang menghadiri kelas bimbingan yang diadakan pada setiap hari kerana kesibukan dengan kerja dan sebab-sebab lain. Ini bagi memastikan saudara baru berkenaan mendapat bimbingan yang berterusan. Saudara baru yang menghadiri kursus tersebut diberikan sijil penghargaan sebagai menghargai kerjasama dan usaha mereka menghadiri kursus berkenaan (Farhan Tee Abdullah 27 Feb 2012).

Pada 23 Oktober 2011 yang lalu, PERKIM telah menganjurkan Kursus Intensif Saudara Muslim yang terdiri daripada saudara Muslim yang baru memeluk Islam pada tahun 2011 berketurunan Cina, India, Iban, Kadazan, Siam, Filipina, Indonesia, Nigeria dan Kemboja. Kursus ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai Rukun Islam yang 5 yang mana ianya merupakan tunjang kepada agama Islam. Selain itu, slot praktikal solat turut diadakan bertujuan untuk memberikan tunjuk ajar tentang cara serta kaedah pergerakan solat yang betul. Peserta diminta menunjukkan cara pergerakan solat yang betul setelah diberi tunjuk ajar. Melalui kursus ini juga, PERKIM turut menyentuh tentang soal akidah dan rukun iman bagi memberi kefahaman yang jelas tentang Islam kepada saudara baru berkenaan.

Kursus intensif bagi saudara baru amatlah diperlukan bagi membantu mereka yang masih baru dalam Islam. Namun kursus ini dilihat hanya diadakan bagi kaum-kaum tertentu sahaja. Seeloknya ianya diadakan untuk semua kaum yang bergelar saudara baru. Ianya dapat memberi maklumat kepada saudara baru dan seterusnya dapat melakukan praktikal semasa program berlangsung. Proses pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan amali dan praktikal lebih mudah diingati dan difahami oleh saudara baru. Setelah mereka mendengar apa yang diajar, mereka mempraktikkannya semasa program tersebut.

Jika ianya diadakan secara berterusan, proses bimbingan akan lebih berkesan dan akan dapat melahirkan saudara baru yang bukan hanya pada nama tapi diserlahkan dengan akhlak dan peribadi seorang Muslim.

e) Mengadakan kaunseling

Terdapat segelintir saudara baru yang hilang keyakinan dengan Allah lantaran daripada ujian dan cabaran hidup yang dilalui setelah memeluk Islam. Mereka menghadapi pelbagai tekanan untuk meneruskan hidup sebagai seorang Muslim. Bagi mengelakkan saudara baru tersebut menghadapi masalah yang lebih teruk dan mengambil keputusan balik pada agama asal, PERKIM mengadakan sesi kaunseling bersama saudara baru berkenaan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kembali keyakinan mereka kepada Allah dan menghadapi segala ujian hidup dengan tenang

dan redha kerana Allah tidak akan menguji sesuatu kaum melebihi kemampuan umatnya (Farhan Tee Abdullah 27 Feb 2012).

Khidmat kaunseling juga diberikan kepada saudara baru yang mempunyai masalah dan berniat untuk keluar dari agama Islam dan kembali kepada agama Islam. Pegawai PERKIM akan memberi bimbingan dan nasihat supaya saudara baru tersebut terus berada dalam agama Islam dan memberi dorongan serta semangat untuk berdepan dengan apa jua masalah yang dihadapi. Pegawai PERKIM akan mengikuti perkembangan saudara baru tersebut agar ia berada dalam keadaan yang tenang dan tidak keluar dari Islam.

KESIMPULAN

Dalam menghadapi pelbagai masalah dalam menguruskan saudara baru terutama di kalangan warga asing, PERKIM mengatur dan melaksanakan program menurut kemampuannya. PERKIM memilih dasar aktif, positif dan dinamik, bukan agresif seperti setengah badan pengembang agama sehingga menimbulkan reaksi yang tidak baik dari golongan sasaran. Ia bergerak atas dasar yang berlandaskan prinsip dakwah seperti yang terdapat dalam Al-Quran iaitu dengan menggunakan hikmah, kata-kata yang baik, dan dengan bertukar-tukar fikiran.

PERKIM bersikap positif dengan menekankan aspek-aspek yang menonjolkan ketinggian dan kesucian Islam serta amal-amal baik yang mencerminkan budi pekerti mulia, bukan aspek-aspek negatif yang menakut-nakutkan serta bersikap dinamik dalam berdakwah dengan membuat perubahan yang sesuai dengan kehendak masa supaya sesuatu cara atau kaedah yang dilakukan itu tidak ketinggalan zaman. Namun demikian, pelaksanaannya memerlukan organisasi yang tersusun dengan baik, tenaga-tenaga pekerja mahir serta peruntukan kewangan yang mencukupi.

Walaupun berdepan dengan masalah-masalah seperti masalah kewangan, PERKIM tidak pernah berputus asa dalam mendidik dan membimbing saudara-saudara baru yang memerlukan bantuan dan tunjuk ajar dari pihak PERKIM. PERKIM mencuba sedaya upaya untuk mencari alternatif dalam setiap permasalahan yang dihadapi supaya gerak kerja dakwah dapat diteruskan dan tidak berhenti di pertengahan jalan. Walaupun terdapat segelintir warga asing yang mengambil kesempatan atas kebaikan dan keprihatinan PERKIM, namun bersikap positif dan berusaha membawa saudara baru tersebut ke arah Islam yang sebenarnya.

RUJUKAN

Ab.Aziz Mohd Zin. 1999. *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Farhan Tee Abdullah. 2012. Pegawai Dakwah & Penyelidikan PERKIM, Kuala Lumpur. Temubual 17 Jan.

Farhan Tee Abdullah. 2012. Pegawai Dakwah & Penyelidikan PERKIM, Kuala Lumpur. Temubual 27 Feb.

Siti Fatimah Ladda Abdullah. 2012. Penolong Pegawai Dakwah PERKIM, Kuala Lumpur. Temubual. 23 Feb..

<http://www.perkim.net.my> 30/05/2011

<http://www.perkim.net.my> 10 Jun 2011

<http://www.perkim.net.my> 17/11/2011